

B 8993 AAB

MAHATHIR

(I)

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU NEGARA-NEGARA ASEAN MELIPATGANDAKAN USAHA KE ARAH MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI BAGI MENGURANGI KOS DAN MENIKMATI FAEDAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEHUBUNGAN DENGAN ITU, MALAYSIA AKAN TERUS MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH KEMAJUAN ASEAN DALAM SEMUA BIDANG KEPENTINGAN BERSAMA TERMASUK SAINS DAN TEKNOLOGI.

+SAYA INGIN MENGGESA RAKAN-RAKAN DIALOG ASEAN TERUS MENYOKONG USAHA ASEAN KE ARAH MENINGKATKAN KEUPAYAAN TEKNOLOGINYA SERTA MENGALAKKAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI MERASMIKAN MINGGU SAINS DAN TEKNOLOGI ASEAN KALI PERTAMA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA PADA MASA LEPAS, BEBERAPA NEGARA DIALOG TELAH MEMBERI SUMBANGAN YANG BERGUNA KEPADA ASEAN.

+SUMBANGAN MEREKA TIDAK AKAN DILUPAI DAN DALAM DUNIA YANG SALING BERGANTUNG SATU SAMA LAIN, KEMAJUAN PESAT ASEAN BAIK DARIPADA SEGI EKONOMI MAHUPUN SAINS DAPAT MEMBERI SUMBANGAN BESAR BAGI KEMAKMURAN DAN PERDAGANGAN BERBANDING JIKA NEGARA ANGGOTANYA MASIH BERADA PADA TAHAP KEMISKINAN. -- LAGI

1341MST 24 04 86

0878

B 8995 AAB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

(I)

MENGENAI PEMINDAHAN TEKNOLOGI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA WALAUPUN BENAR DALAM SESETENGAH KES NEGARA MAJU MUNGKIN KEBERATAN BERBUAT DEMIKIAN, TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH MENKKAJI KESEDIAAN MASYARAKAT ASEAN MENERIMA TEKNOLOGI BARU.

+SAYA BERPENDAPAT BAHAWA KITA KADANG-KADANG MASIH BELUM BERSEDIA BAIK DARIPADA SEGI PSIKOLOGI MAHUPUN SIKAP UNTUK MENERIMA TEKNOLOGI YANG DIPERLUKAN,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA +JIKA KITA MEMPUYAI PENGETAHUAN SAINTIFIK ATAU TEKNOLOGI TERTENTU, MAKA KITA JUGA KEBERATAN UNTUK MEMINDAHKANNYA KEPADA NEGARA-NEGARA YANG BAKAL BERSAING DENGAN KITA.

+JIKA KITA HENDAK Mendapatkan TEKNOLOGI YANG DIPERLUKAN ITU, KITA HENDAKLAH MELENGKAPI DIRI KITA SEPENUHNYA DAN +MENGEJAR+ APA YANG KITA KEHENDAKI.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UNTUK BERBUAT DEMIKIAN +KITA HARUSLAH MENJALANKAN PENYELIDIKAN SENDIRI BERMULA DENGAN ASASNYA SUPAYA KITA MUDAH MEMILIKI PENGETAHUAN ITU.+ -- LAGI

1408MST 24 04 86

D882

B 8999 AAB

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

(I)

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KATANYA MALAYSIA MEMBERI PENEKANAN KEPADA PENLIBATAN SEKTOR SWASTA DALAM AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R DAN D) SEPERTI TERKANDUNG DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML).

+KERAJAAN AKAN MENGUMUMKAN GALAKAN CUKAI DAN GALAKAN LAIN UNTUK MENGGALAKKAN PENYERTAAN SEKTOR SWASTA,+ KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA SEKTOR SWASTA BOLEH BERBUAT DEMIKIAN MELALUI PENYELIDIKAN BERSAMA DENGAN INSTITUSI BERKENAAN DI NEGARA INI ATAU MENYUMBANG KEPADA TABUNG R DAN D PUSAT.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEADAAN EKONOMI MALAYSIA YANG MENYEBABKAN BARANGAN UTAMANYA TERDEDIAH KEPADA PERMINTAAN LUAR MENUNJUKKAN BETAPA PERLUNYA NEGARA MEMPELBAGAIKAN KEGIATAN INDUSTRI NYA UNTUK DIEKSPORT.

+JUSTERU ITU AKTIVITI R DAN D HENDAKLAH TERTUMPU KE ARAH MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN MEMPELBAGAIKAN TAPAK PERINDUSTRIAN DEMI MEMASTIKAN MALAYSIA MAMPU BERSAING DENGAN NEGARA LAIN DAN BARANGANNYA DAPAT MENEMBUSI PASARAN LUAR,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA BAHAWA UNTUK MENINGKATKAN KESANGGUPAN DAN KEMAMPUAN TEKNOLOGI, USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH HENDAKLAH DIJALANKAN KE ARAH MENDAPATKAN TEKNOLOGI LUAR. -- LAGI
1418MST 24 04 86

D886

B 8003 AAB

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

(I)

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT NEGARA INI HENDAKLAH BERSEDIA BAIK DARIPADA SEGI PSIKOLOGI MAHUPUN PENDIDIKAN UNTUK MENERIMA TEKNOLOGI KE ARAH PENCAPAIAN YANG MAKSIMUM.

+SAYA BERHARAP MASYARAKAT NEGARA INI TERDIRI DARIPADA SEBILANGAN BESAR MEREKA YANG BERPENGETAHUAN DAN BERMINAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN MENGENAI PERSEKITARAN MEREKA,+ KATA PERDANA MENTERI.

MINGGU SAINS DAN TEKNOLOGI ASEAN ITU DIANJURKAN BERSAMA OLEH JAWATANKUASA ASEAN MENGENAI SAINS DAN TEKNOLOGI, KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR DAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SAINTIFIK (NCSRD).

SEMPENA MINGGU ITU, PERSIDANGAN LIMA HARI MENGENAI +PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI BAGI KEMAJUAN DALAM ASEAN+ BERMULA DI PWTC HARI INI DAN KIRA-KIRA 500 ORANG DIJANGKA MENGHADIRINYA. -- BERNAMA
1427MST 24 04 86